



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
17 Mac 2020**

### **PNB AKTIFKAN PELAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN**

**KUALA LUMPUR, 17 MAC 2020** – Berikutan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 sehingga 31 Mac 2020 akibat peningkatan kes COVID-19 dalam negara, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah mengaktifkan sepenuhnya Pelan Kelangsungan Perniagaan (BCP) untuk melindungi keselamatan dan kesihatan semua kakitangan di samping memastikan operasi perniagaan dapat diteruskan.

Berkuat kuasa 18 Mac 2020, semua kakitangan akan bekerja dari rumah, kecuali mereka yang terlibat dengan fungsi teras kritikal yang akan beroperasi secara bergilir antara ibu pejabat PNB, pejabat gantian dan rumah masing-masing.

PNB ingin memberi jaminan kepada semua pihak berkepentingan bahawa operasi dan aktiviti perniagaan terus berjalan seperti biasa walaupun terdapat perubahan dalam cara bekerja. Kakitangan telah disediakan dengan sistem serta peralatan yang diperlukan untuk beroperasi pada kapasiti penuh dalam situasi seperti sekarang. Malah, sejak 5 Mac 2020 PNB telah mengaktifkan BCP secara berperingkat merangkumi jadual kerja mengikut kumpulan, yang membabitkan Pasukan Kepimpinan PNB serta pasukan pelaburan teras dan operasi.

Pada masa yang sama, PNB telah melaksanakan pemeriksaan suhu badan di ibu pejabat dan juga di semua cawangan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) seluruh negara, selain membataskan mesyuarat serta perjalanan kakitangan. Setakat ini, tiada pengesahan kes COVID-19 dalam kalangan kakitangan PNB.

Semua cawangan ASNB akan terus beroperasi seperti biasa tetapi pada skala yang lebih kecil sepanjang tempoh dua minggu Perintah Kawalan Pergerakan. Pemegang unit digalakkan untuk menggunakan portal dan aplikasi myASNB bagi transaksi yang tidak melibatkan penjualan semula unit, yang masih boleh dilakukan di cawangan ASNB atau mana-mana cawangan ejen bank.

*- Tamat -*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 254 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**